

**FACTORS OF NON-COMPLIANCE PRACTICE OF MUSLIM USERS TOWARDS
CHOICE OF HALAL FOOD**

**FAKTOR-FAKTOR KETIDAKPATUHAN PENGGUNA MUSLIM TERHADAP
PEMILIHAN MAKANAN HALAL**

Ahmad Syamel Ataniⁱ & Izzah Nur Aida Zur Raffarⁱⁱ

ⁱ Pelajar Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka. ahmad.syamel456@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka. izzahnur@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>According to various developments and research studies in the report from 'The State of the Global Islamic Economy 2022', Malaysia's halal industry remains modest at the multinational level. Through the aspects of halal food, it is important in determining the morals and behaviours of a Muslim. Nevertheless, the assortment of halal food still conveys serious problems. This study found that among the issues of non-compliance with Halal nutrition is the practice of 'rice wine' as a cooking ingredient, which triggers anxiety among Muslim users. In addition, there are premises that do not practice the halal logo. The nonattendance of halal logos on food premises goes unnoticed by some inconsiderate consumers in tracking the 'food hunting' trend without paying attention to the prohibited issue of Halal law. There is also the issue of spreading news about uncertain food sources, which does not disturb a few Muslim users. Thus, this study was carried out to identify non-compliance factors of Muslim users in selecting halal food. The methodology of this study uses a literature review connected to either newspapers, websites, or printed materials such as journal articles, working papers, or seminars to assemble authentic information. In addition, the consequences of the study show the non-compliance factor of Muslim users embraces of the level of knowledge and gratefulness of religion, attitudes, and the impact of curving food on social media. Thus, it is expected that this literature-focused study will raise awareness among users and Muslim premises owners about the aspect of halal food ranges to preserve the holiness of Islam in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: <i>Non-Compliance, Halal Food, Muslim, Consumers, Malaysia.</i></p>
Abstrak	<p><i>Menurut pelbagai kajian pembangunan dan penyelidikan dalam laporan 'The State of the Global Islamic Economy 2022', Industri Halal Malaysia kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa. Aspek makanan halal penting dalam pencorakan akhlak dan tingkahlaku seseorang Muslim. Namun begitu, pemilihan makanan halal masih mempunyai komplikasi yang serius. Kajian ini mendapati antara isu ketidakpatuhan pemakanan halal adalah penggunaan 'rice wine' sebagai bahan masakan sehingga menimbulkan keresahan pengguna Muslim. Selain itu, terdapat premis yang tidak menggunakan logo halal. Ketiadaan logo halal di premis makanan dipandang sebelah mata oleh sesetengah pengguna yang lalai dalam mengejar trend 'food hunting' tanpa</i></p>

mengendahkan soal hukum halal dan haram. Terdapat juga, isu penularan berita mengenai sumber bahan makanan meragukan yang tidak memberikan kesan kepada segelintir pengguna muslim. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor ketidakpatuhan pengguna muslim dalam memilih makanan halal. Metodologi kajian ini menggunakan kajian literatur yang berkaitan sama ada dari akhbar, laman sesawang dan bahan bercetak seperti artikel jurnal atau kertas kerja seminar bagi mengumpul maklumat-maklumat yang sahih. Selain itu, hasil kajian menunjukkan faktor ketidakpatuhan pengguna muslim terdiri daripada tahap pengetahuan dan penghayatan agama, sikap dan pengaruh makanan 'trending' di media sosial. Justeru, diharapkan kajian berfokuskan literatur ini dapat memberi kesedaran kepada pengguna dan pemilik premis Muslim dalam mematuhi aspek pemilihan makanan halal bagi memelihara kesucian agama Islam di Malaysia.

Kata kunci: *Ketidakpatuhan, Makanan Halal, Pengguna, Muslim.*

PENGENALAN

Dewasa kini, peranan sebagai seorang pengguna merupakan aspek penting dalam kejayaan sesebuah bisnes. Kuasa pengguna atau dikenali sebagai konsumerisme dilihat dapat memajukan sesebuah industri halal selaras dengan laporan 'The State of the Global Islamic Economy 2022'. Industri Halal Malaysia mampu kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa. Sebagai pengguna produk barangan halal terutamanya dalam makanan halal, pengguna Muslim perlu berhati-hati dengan pemilihan makanan serta bahan-bahan yang disajikan di restoran mahupun premis makanan yang lain. Hal ini kerana makanan halal merupakan makanan suci dan bersih. Ia bukanlah makanan haram yang disebut oleh Allah SWT dalam al-Quran. Menurut Mohammad Aizat et al. (2014), keperluan asasi bagi manusia adalah makanan yang halal dan suci untuk menjalani hidup dengan sihat.

Perkara ini perlu dijadikan kebiasaan manusia untuk mencari dan memilih makanan yang halal supaya dapat membentuk akhlak dan keperibadian yang baik. Ini kerana makanan akan menjadi darah daging seseorang individu yang mampu mempengaruhi akhlak dan tingkahlaku dalam kehidupan seharian. Setiap hukum yang disyariatkan kepada semua manusia akan mendatangkan *maslahah* (kebaikan) dan menolak *mafsadah* (keburukan), baik dalam agama Islam, kehidupan, warisan intelektual mahupun kekayaan di dunia dan akhirat. Hal ini bertepatan dengan ajaran agama yang membawa kemuliaan bagi seluruh alam.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾

Maksudnya, "Wahai sekalian manusia, makanlah makanan yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata". (al-Quran. al-Baqarah: 168)

Muslim bertanggungjawab dalam mempamerkan atau dengan nama lain berdakwah kepada masyarakat non-muslim tentang konsep sebenar halal dalam Islam kerana ianya bukan sahaja berkait dengan pengharaman babi sahaja, bahkan ianya meliputi perkara yang merosakkan diri dan jiwa. Masyarakat Islam wajib mencari dan memelihara kehalalan makanan kerana sumber makanan yang haram akan merosakkan peribadi dan akhlak serta keturunan. Aspek kualiti di dalam Islam adalah sangat mendalam. Ianya ternyata sihat, bernutrisi dan berkhasiat, bahkan memenuhi konsep halal, suci dan memberikan kebahagiaan di dunia dan akhirat (al-Qardawi, 2000).

Muslim yang mementingkan pemakanan serta rezeki yang halal adalah manusia bertanggungjawab terhadap agama serta dirinya sendiri umpama hati yang sentiasa bersinar. Hati yang bersinar adalah asas kecemerlangan kerana ia mampu memberi signal

positif kepada tubuh badan bagi melaksanakan ibadah serta amal kebajikan dengan tulus ikhlas. Pengambilan makanan yang halal dapat menjamin kesejahteraan hati nurani dalam memberikan kesan yang mendalam pada diri seorang muslim. Pernyataan ini bertepatan dengan kata-kata Imam al-Ghazali (1987) yang menyatakan bahawa makanan yang halal dapat menambahkan keimanan seseorang muslim, mampu mengabdikan doa dan memudahkan urusan kehidupan seharian.

Ajaran agama Islam mengambil berat terhadap pemakanan halal kerana manfaatnya yang jelas lagi baik kepada mental, fizikal serta perkembangan spiritual manusia. Hal ini sama bahawa makanan yang jelas pengharamannya di dalam kitab suci al-Quran sememangnya akan memberi kesan buruk kepada kesihatan. Menurut kajian sains, Terdapat beberapa parasit dan bakteria yang terdapat pada daging khinzir seterusnya memindahkan kepada manusia sehingga boleh mendatangkan penyakit. Antara parasit itu ialah cacing pita, cacing gelang, cacing kerawit, *faciolopsis buski*, *paragominus*, *clonorchis senesis* dan *erysipelothrix rhnsiphathiae* (Ahmad H. Sakar, 2005). Bakteria tersebut sangat berbahaya kepada manusia dan boleh mengakibatkan kegagalan fungsi organ seperti paru-paru dan akibatnya membawa kematian dalam waktu yang singkat.

Antara kesan buruk yang terhasil dari pemakanan yang haram adalah seperti merosakkan hati dan akal. Makanan yang haram dapat mempengaruhi hati dan minda seseorang individu. Jika seseorang individu memakan makanan yang baik atau makanan halal, maka hatinya juga akan mendapat manfaat daripada khasiatnya. Begitu juga sebaliknya jika seseorang individu memakan makanan yang haram. Ianya pasti akan mempengaruhi sedikit sebanyak fikiran dalam tentang konsep pahala dan dosa. Apatah lagi di dalam kehidupan seharian sehingga boleh menyebabkan hilang perasaan simpati dan empati di dalam pertimbangan hati. Allah SWT mengurniakan nikmat yang berbagai-bagai kepada manusia dan yang paling utama ialah nikmat akal yang membezakan manusia, bahkan memuliakannya berbanding dengan makhluk yang lain. Kestabilan hidup manusia sama ada sebagai individu atau sebagai anggota masyarakat bergantung kepada kesempurnaan dan kekuatan akal. Semua minuman yang memabukkan merosakkan akal dan menyebabkan manusia kehilangan banyak faedah dan kelebihannya. Hal ini mengakibatkan jiwa mereka menjadi lemah, dikuasai oleh hawa nafsu, timbul rasa benci-membenci dan persengketaan di kalangan orang Islam, sehingga putus hubungan persaudaraan dan hilang rasa kasih sayang. Lebih dahsyat lagi, kesan minum arak menghalang manusia mengingati Allah dan menjauhi mereka daripada rahmat, kurniaan dan ihsan-Nya.

Ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya". (al-Quran. al-Maidah: 90)

PENYATAAN MASALAH

Baru-baru ini, isu mengenai pematuhan makanan halal sering tular di media sosial. Hal ini sering didengari saban tahun sehinggakan ada pihak yang mempersoalkan tanggungjawab pengusaha industri makanan, pihak autoriti halal bahkan pihak pegawai berkuasa tempatan (PBT) tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Antara isu tersebut adalah penggunaan 'rice wine' sebagai bahan masakan di dalam menu nasi ayam di premis Sri Petaling, Kuala Lumpur (Harian Metro, 2023). Seperti yang kita maklum, menu nasi ayam merupakan menu terkenal di Malaysia dengan kelazatan menggunakan rempah dan bahan

masakan herba asli yang tidak dicampurkan langsung dengan bahan makanan yang tidak halal. Isu ini bertambah hangat kerana kebanyakan pelanggan yang menjamu selera di premis berkenaan adalah pelanggan beragama Islam. Hal ini menimbulkan keraguan yang tinggi dalam kalangan pelanggan sehingga mencari kesahihan berita mengenai penggunaan 'wine' yang mengandungi alkohol atau tidak adalah tetap haram. Walaupun nama makanan itu diubah menjadi selain perkataan "wine", bahan makanan tersebut akan menentukan status kehalalannya sama ada kandungan alkoholnya lebih banyak atau lebih sedikit hukumnya akan tetap haram meskipun panggilan menu makanan itu diubah (Mohd Mahyeddin & Nazariyah Yahya, 2023).

Seterusnya, terdapat premis yang tidak mempamerkan status logo halal yang jelas. Bahkan ada premis yang masih lagi belum memohon untuk mendapatkan kelulusan premis logo halal. Menurut Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, pada 11 September 2020, dua restoran di Nilai, Seremban telah dikenakan kompaun atas kesalahan mempamerkan dan menggunakan logo halal tidak sah. Hasil pemeriksaan mendapati dua premis telah melakukan kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 kerana menggunakan ungkapan 'Halal' pada iklan kedai dan menggunakan logo halal pembekal barangan yang tamat tempoh di dalam premis perniagaan (Sarinah, 2020). Menurut Shahrudin et al., (2010) pelanggan sanggup untuk membayar harga yang lebih tinggi kepada produk makanan yang mempunyai logo halal kerana yakin terhadap penyediaan dan kebersihan makanan halal.

Disamping itu, penularan berita palsu mengenai sumber makanan yang tidak halal seperti isu coklat Cadbury didakwa mengandungi Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi menimbulkan kekeliruan terhadap pengguna di Malaysia. Berdasarkan hasil kajian tesis Mohd Farid (2020), isu coklat cadbury ini sebenarnya tidak perlu dibangkitkan lagi kerana telah diselesaikan oleh pihak Jabatan Agama Kemajuan Islam (JAKIM). Akan tetapi isu ini bangkit semula kerana penularan berita palsu yang berulang. Hal ini disebabkan kuasa penularan media yang tidak dapat dikawal dan menjadi kebimbangan semula kepada masyarakat Islam. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bersama JAKIM mewujudkan slogan 'Tidak Pasti, Jangan Kongsi' bagi meningkatkan pengetahuan masyarakat terhadap masalah berita palsu yang kerap kali tular ini. Oleh yang demikian, Mengapakah isu ketidakpatuhan terhadap pemakanan suci lagi bersih ini tidak diambil berat oleh pengguna muslim?. Justeru, kajian ini akan mengkaji berkenaan faktor-faktor ketidakpatuhan pengguna Muslim dalam pemilihan makanan halal.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati terdapat tiga faktor ketidakpatuhan pengguna Muslim terhadap pemilihan makanan halal iaitu:

Faktor Pengetahuan dan Penghayatan Agama

Pengetahuan dan penghayatan agama merupakan faktor yang mempengaruhi sikap pengguna dan tingkah laku dalam pemilihan makanan halal kerana ianya bergantung kepada sejauh mana kepercayaan seseorang individu terhadap agamanya (Shaari & Arifin, 2010). Setiap manusia yang beragama perlu mengetahui dan memahami apa yang terkandung dalam agama serta berusaha mengamalkannya dalam kehidupan secara menyeluruh (Alam & Sayuti, 2011). Ini menunjukkan bahawa agama bukan sahaja memerlukan pengetahuan semata-mata, bahkan penghayatan yang lebih mendalam agar tidak tersilap langkah. Menurut Khraim (2010), setiap keputusan yang dilakukan oleh pengguna Muslim mestilah berdasarkan kepada agama kerana ianya memberi kesan kepada nilai, sikap dan tingkah laku. Ini menunjukkan bahawa individu yang kurang pengetahuan dan penghayatan agama akan memandang enteng terhadap pemilihan makanan halal.

Faktor Sikap

Selain itu, sikap individu juga menjadi faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan halal dalam kalangan pengguna. Menurut Lada et al. (2009), sikap seseorang yang membentuk tingkah lakunya adalah berdasarkan kepercayaan yang dipegang. Terdapat individu yang memilih makanan halal mengikut kepada kepercayaan yang dianggap benar. Rezai et al. (2012) menyatakan pemilihan makanan halal dan kesedaran mengenai prinsip-prinsip halal ditentukan oleh sikap yang positif dan pemilihan makanan yang tidak halal ditentukan oleh sikap yang negatif. Mukhtar dan Mohsin (2012) turut menyatakan pengguna yang memiliki sikap positif yang tinggi cenderung memilih makanan halal. Hal ini menunjukkan sikap merupakan faktor yang menentukan kemahuan individu memilih makanan halal atau tidak.

Faktor Penularan Makanan 'Trending'

Antara faktor lain ketidakpatuhan terhadap makanan halal juga disebabkan oleh penularan makanan '*trending*' tidak halal di media sosial. Penggunaan laman media sosial yang semakin pesat seperti Facebook, Instagram, Twitter dan yang paling terkini adalah TikTok menjadikan dunia tanpa sempadan termasuklah penularan makanan yang tidak halal. Menurut Mohd Anuar (2020), masyarakat Melayu mengalami evolusi daripada citarasa tempatan kepada antarabangsa dan lebih terbuka untuk mencuba makanan luar dari masa ke semasa. Terdapat pengguna yang sanggup beratur panjang bagi menikmati makanan yang tular di media sosial tanpa mengambil kira soal halal yang telah digariskan dalam Islam (Mohd Anuar, 2020). Perkara ini menunjukkan faktor penularan makanan di media sosial menjadikan pengguna Muslim mengetepikan status kehalalan makanan dan mengambilnya tanpa waswas disebabkan masyarakat Muslim itu sendiri yang menularkannya. Hal ini meningkatkan kepercayaan pengguna Muslim bahawa makanan tersebut adalah boleh diambil tanpa menyemak status halal.

PENUTUP

Pemilihan makanan halal serta baik merupakan tanggungjawab bagi setiap umat Islam dalam menjauhi perkara yang meragukan. Hasil kajian ini mendapati isu berkaitan pematuhan halal adalah penggunaan '*rice wine*' sebagai bahan masakan di dalam menu nasi ayam di premis Sri Petaling, Kuala Lumpur. Selain itu, isu premis yang tidak mempamerkan status logo hal yang jelas dan penularan berita palsu mengenai sumber makanan yang tidak halal membimbangkan masyarakat Muslim di Malaysia. Faktor yang menyumbang kepada isu tersebut adalah disebabkan tahap pengetahuan agama dan penghayatan agama yang rendah, sikap pengguna dalam memilih makanan dan penularan makanan '*trending*' di media sosial.

Hikmah mengambil makanan yang halal dapat memberi ketenangan kepada jiwa. Pemilihan makanan halal itu adalah usaha untuk kesihatan mental dan tubuh badan, sebaliknya makanan terlarang akan membuat jiwa manusia gelisah. Menurut Mohamad Hafifi dan Nor'Adha (2019), isu makanan halal merupakan isu penting dalam agama yang perlu diberi penekanan oleh setiap umat Islam kerana proses ini melibatkan pembangunan jasmani dan rohani seseorang individu.

Selain itu, individu yang mengutamakan makanan halal menunjukkan ciri individu yang berusaha untuk mendekati diri kepada Allah SWT dengan pengharapan supaya amal ibadah diterima di dunia dan akhirat. Pendapat ini disokong oleh Mohamad Hafifi dan Nor'Adha (2019) bahawa penentuan halal dan haram harus jelas kepada umat Islam dalam kehidupan seharian untuk mengecapi kejayaan di dunia dan akhirat.

Tambahan lagi, pemilihan makanan halal berkait rapat dengan aspek tingkahlaku seseorang individu. Menurut Aemy Liza (2014), perkembangan tingkahlaku individu dipengaruhi oleh pemilihan makanan. Jika makanan tersebut diambil daripada makanan suci, maka secara asasnya akan melahirkan tingkahlaku yang baik. Kajian ini diharap akan memberi sumbangan literatur tentang faktor-faktor ketidakpatuhan pengguna Muslim

dalam pemilihan makanan halal sekaligus dapat mengelakkan isu-isu sensitif sebagai pengguna di Malaysia.

RUJUKAN

Buku

- Ahmad H. Sakar. (2005). *Daging Babi, Sebab-sebab Penolakannya*. Saba Islamic Media.
- al-Ghazali, A. H. M. (1987). *al-Halal wa al-Haram*. Beirut: Dar al-Jayl, 6-8.
- al-Qardawi, Y. (2000). *Fi Fiqh Al-Awlawiyat: Dirasah Jadidah Fi Daui Al-Quran Wa Al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Jurnal

- Alam, S. S & Sayuti, N. M. (2011), Applying The Theory Of Planned Behavior (TPB) In Halal Food Purchasing. *International Journal Of Commerce And Management*, 21(1), 8-20.
- Khraim, H. (2010). Measuring Religiosity in Consumer research from an Islamic Perspective. *Journal of Economic and Administrative Sciences* 26(1), 52-78.
- Lada, S., Harvey Tanakinjal, G. & Amin, H. (2009). Predicting Intention To Choose Halal Products Using Theory Of Reasoned Action. *International Journal Of Islamic And Middle Eastern Finance And Management*, 2(1), 66-76.
- Mukhtar, A. & Mohsin, B. M. (2012). Intention to Choose Halal Products: The Role of religiosity. *Journal of Islamic Marketing* 3(2), 108-120.
- Rezai, G., Mohamed, Z. & Shamsudin M, N. 2012. Assesment Of Consumers Confidence On Halal Labeled Manufactured Food In Malaysia. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(1), 33-42.
- Shaari, J. A. N., & Arifin, N. S. 2010. Dimension of halal purchase intention: A preliminary study. *International Review of Business Research Papers*, 6(4), 444-456.
- Shaharudin, M. R., Pani, J. J., Mansor, S. W & Elias. (2010). Factors Affecting Puchase Intention of Organic Food In Malaysia's Kedah State. *Cross Cultural Communication* 6(2), 105-116.

Laman Sesawang

- Abdul Shukor Husin. (2014). Coklat Cadbury halal Majlis Fatwa Kebangsaan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/coklat-cadbury-halal-majlis-fatwa-kebangsaan-36793> (diakses pada 1 Oktober 2023)
- Mohd Anuar Ramli. (2010). Jangan ambil mudah status halal produk makanan. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/09/732549/jangan-ambil-mudah-status-halal-produk-makanan>. (diakses 15 Oktober 2023).
- Mohd Mahyeddin & Nazariyah Yahya. (2023). Penggunaan Wine Beras (Rice Wine) Dalam Produk Makanan Menurut Perspektif Halal. The News Bulletin, Risalah USIM. <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/penggunaan-wine-beras-rice-wine-dalam-produk-makanan-menurut-perspektif-halal/> (diakses 1 Mei 2024).
- Noor Hidayah. (2023). Premis nasi ayam claypot tular, tiada sijil halal. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1008188/premis-nasi-ayam-claypot-tular-tiada-sijil-halal> (diakses pada 10 September 2023)
- Sarinah. (2020). Dua restoran di Nilai dikompaun pamer logo halal tak sah <https://www.sinarharian.com.my/article/100659/EDISI/Melaka-NS/Dua-restoran-di-Nilai-dikompaun-pamer-logo-halal-tak-sah> (diakses pada 15 Oktober 2023)

Seminar

- Mohamad Aizat, J., Mohd Anuar, R., & Suhami, A. R., (2011). *Panduan Makanan Halal Haram Menurut Perspektif Al-Quran : Analisis Terhadap Isu-Isu Makanan Semasa*. International Seminar on Wahyu Asas Tamadun. Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohamad Hafifi & Nor'Adha. (2019). *Tuntutan Mencari Makanan Halal Dan Toyyiban Dalam Islam: Penguatkuasaannya Melalui Undang-Undang Semasa*. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019) KUIS pada 24 September 2019.

Tesis & Disertasi

Aemy Liza. (2014). *Hubungan Makanan Dan Pemakanan Halalan Toyyiba Dengan Akhlak*. Tesis Sarjana, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Farid. (2020). *Pengurusan Halal JAKIM Terhadap Isu Penularan Produk Halal Di Malaysia*. Disertasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.